

20 JUN 2018

## Lima sahabat licik diberkas

18 NEGARA!

KOSMO! RABU 20 JUN 2018

Turut dirampas heroin seberat 18.62kg dalam tiga serbuan berasingan

# Lima sahabat licik diberkas

Oleh NOOR HASLIZA NUSI

**G**EORGE TOWN – Kelicikan lima sahabat termasuk sepasang suami isteri menjalankan kegiatan memproses dan mengedar dadah sintetik akhirnya memakan diri apabila mereka diberkas dalam tiga serbuan berasingan di sekitar negeri ini Khamis lalu.

Kesemua suspek berusia antara 36 hingga 47 tahun itu ditahan sepasukan anggota polis dari Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) negeri bersama anggota Balai Polis Air Itam dalam satu operasi yang dijalankan mulai 10 Jun lalu.

Turut dirampas pelbagai dadah dipercayai jenis heroin seberat 18.62 kilogram, 200 biji pil ekstasi, 2,400 biji pil Eramin 5 dan ketamin seberat 52.66 gram dengan nilai keseluruhan berjumlah RM249,500.

Ketua Polis negeri, Datuk A. Thaiveegan berkata, tangkapan ke atas kelima-lima suspek itu dilakukan di tiga lokasi iaitu di dua buah kediaman di Air Itam dan Jelutong serta di tepi jalan di kawasan Perai.

"Kesemua suspek dikatakan mengenali antara satu sama lain termasuk pasangan suami isteri terbabit yang diberkas di sebuah rumah di Air Itam. Hasil saringan air kencing ke atas mereka juga didapati positif dadah.

"Sindiket terbabit dipercayai menjalankan aktiviti memproses dan mengedar dadah sejak tiga hingga enam bulan lalu di negeri ini dengan hanya menumpukan pasaran tempatan," katanya pada sidang akhbar di IPK Pulau Pinang semalam.

Menurut Thaiveegan, pihaknya turut menyita sebuah kereta Toyota Camry dan sebuah motosikal Honda Spacy bernilai keseluruhan RM71,600.

Ujarnya, siasatan lanjut masih dijalankan bagi mengenal pasti ahli sindiket lain dan kesemua suspek ditahan reman sehingga 20 Jun ini bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952.



THAIVEEGAN (dua dari kiri) menunjukkan bahan mentah untuk memproses dadah yang dirampas pada sidang akhbar di IPK Pulau Pinang semalam.